

KAJIAN TERHADAP KECACATAN RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH

WONG SING TIUNG

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2008

## **ABSTRAK**

Kecacatan rumah merupakan satu masalah yang kerap berlaku pada mana-mana rumah dan mendarangkan kesan-kesan negatif yang pelbagai kepada penghuni. Rumah kos sederhana rendah mendapat permintaan tinggi dalam pasaran tetapi juga sering mengalami kecacatan. Lantaran, kajian ini dilakukan dengan objektif untuk mengenalpasti jenis-jenis kecacatan yang biasa berlaku kepada rumah kos sederhana rendah dan juga kesan-kesan yang timbul terhadap penghuni akibat kecacatan yang berlaku. Kajian telah dilakukan di beberapa taman perumahan di Johor Bahru. Data primer yang diperlukan dikumpulkan daripada responden dengan menggunakan borang soal selidik. Data-data ini diproses sebelum ditunjukkan dalam bentuk jadual dan gambarrajah menggunakan *Microsoft Excel*. Analisis kajian mendapati elemen kemasan dinding, kemasan siling, kemasan bumbung, tingkap, kemudahan bangunan dan pintu pagar adalah lebih kerap mengalami kerosakan kerana elemen-elemen tersebut sering terdedah kepada agen perosak iaitu cuaca, kelembapan, hujan dan panas serta tindak balas kimia. Dari segi jenis kecacatan, hasil analisis mendapati kerosakan cat, kebocoran kemasan bumbung, kelembapan kemasan siling, kelembapan dinding, dan paip sisu tersumbat adalah antara jenis kecacatan yang mempunyai peratusan berlaku yang tinggi. Masalah kecacatan rumah yang berlaku akan mempengaruhi penghuni dari aspek estetik, kepuasan penggunaan, keselesaan, kewangan dan keselamatan. Berdasarkan analisis kajian, didapati penghuni amat mementingkan nilai estetik, kepuasan penggunaan dan keselesaan memandangkan jumlah peratus ketiga-tiga aspek ini dipengaruhi kecacatan rumah yang berlainan jenis adalah tinggi. Maka, setiap jenis kecacatan rumah yang berlaku mendarangkan kesan negatif kepada penghuni.

## **ABSTRACT**

Building defect is a common problem that often happens to any house and causes variety of negative consequences to occupiers. Medium low cost house has high demand in the market but it also often has defects. Hence, this research is done with the objectives of identifying the types of defect that usually happen to medium low cost houses and the consequences of the defects to occupiers. This research is carried out at a few housing area in Johore Bahru. The required prime data is collected from the respondents using questionnaires. Those data is processed and shown in table and figure form using Microsoft Excel. The analysis of the research shows that the element of wall finishes, ceiling finishes, roof finishes, windows, building services and gates are more frequent to have damages because those elements are often exposed to spoiling agents which are weather, moisture, rain, hot and chemical reaction. From the aspect of defect, the analysis shows that painting damage, roof finishes leakage, wet ceiling finishes, wall wetness and sanitary pipe stuck are among the types of defects that have high percentage of occurrence. House defects will influence occupiers from the aspect of esthetic, satisfaction of using, comfortability, monetary, and safety. Based on the analysis, residents put a lot of emphasis on esthetic, satisfaction of using and comfortability since the percentage of those three aspects to be influenced by different types of house defect are high. So, every type of defects will bring negative consequences to the occupiers